

## Jalan Bukit Berapit tutup 2 tahun

**I**POH: Jalan Taiping-Kuala Kangsar berhampiran Bukit Berapit akan ditutup kepada lalu lintas selama dua tahun bermula jam 10 pagi esok.

Penutupan jalan terbabit berikutan kerja pembinaan landasan kereta api ber-

kembar elektrik Ipoh-Padang Besar yang dilakukan syarikat kontraktor MMC-Gamuda Joint Venture di kawasan itu.

Justeru, MMC-Gamuda membina satu jalan lencongan untuk laluan orang ramai dan pengguna lalu

lintas dinasihatkan mematuhi arahan papan tanda disediakan.

Untuk sebarang pertanyaan dan kemusykilan, orang ramai boleh menghubungi talian 24 jam MMC-Gamuda di talian 1-300-80-1999.